

Ada ketua-ketua pelajar buat dakyah di institusi, asrama

MAHATHIR:

AWASI

'STUDENT

POWER'

Oleh: ARSHAD ABDULLAH

U.M. - 4 MAC 1975

POH 3 Mac — Ada pemimpin pelajar merancang menyusun kumpulan dengan memperalatkan para penuntut pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh negara dalam usaha mengujudkan 'kuasa penuntut atau student power' bagi menumbangkan kerajaan.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad yang mendedahkan ini berkata semalam di setlap institusi dan sekolah-sekolah menengah berasrama penuh sudah ada badan yang tersusun menjalankan kegiatan itu.

"Matlamat mereka ialah mengujudkan student power bagi menekan kerajaan menghasilkan semua permintaan mereka dan akhirnya menggulingkan kerajaan," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam kertas kerjanya bertajuk "Pergerakan penuntut dan politik negara," yang dibentangkan dalam kursus politik dan ekonomi UMNO Bahagian Menglembu di Dewan Pelbagai-guna di Skudai.

Menurutnya, dalam menjayakan rancangan itu pemimpin-pemimpin pelajar itu menggunakan agama sebagai daya penarik dan caranya memberi kesan kerana ramai penuntut telah dapat mereka peralatkan.

Rancangan dakyah mereka disampaikan melalui kursus politik, agama dan kuliah subuh yang diharapkan dapat menukar fikiran penuntut sesuai dengan rancangan mereka.

Kesannya, sehingga ada di antara pelajar-pelajar itu memikirkan "Talam itu memaksi baju kurung dan sebagainya", tambahnya.

Oleh Dr. Mahathir ditegaskan bahawa dalam menjayakan rancangan mereka, para pemimpin pelajar itu berpendapat mereka sekarang merupakan 'suatu kuasa' di dalam negara dan berhak memberi pendapat kepada kerajaan yang memerintah.

Malah ada di kalangan mereka berpendapat bahawa kuasa mereka sama dengan kuasa yang ada di tangan kerajaan.

Berlakunya keadaan ini ialah disebabkan mereka sering menru keadaan yang terdapat di negara-negara lain tanpa mengkaji lebih dulu tentang suasana dalam negeri sendiri.

Menteri itu mengingatkan ibubapa bahawa terdapat sekarang penuntut-penuntut yang tidak lagi mahu mendengar cakap, malah berani menentang pendapat ibubapa mereka.

Inilah juga sebahagian dari kesan yang telah mempengaruhi pelajar-pelajar tersebut akibat dakyah itu, tambahnya.

Dr. Mahathir menjelaskan, pemerintah di negeri ini yang ditubuhkan dengan keizinan rakyat melalui sistem demokrasi adalah meru-

peka sebuah kerajaan yang sentiasa mengambil tahu dan menyelesaikan semua masalah rakyatnya serta mampu dan bertanggungjawab melaksanakan pembangunan untuk kebahagiaan seluruh rakyatnya.

Kerajaan juga, menurutnya, melalui sistem demokrasi, mengharga pandangan rakyat dari semua lapisan

LIHAT MUKA 12
(Ruangan 6)

Penuntut mesti mengambil berat tentang politik-Mahathir

DARI MUKA 1

Untuk mengetahui kesulitan mereka dan dengan itu kerajaan mengekalkan kebebasan bersuara, akhbar dan juga kebebasan kepada penuntut di semua institusi pelajaran tingg. di negeri ni.

Mereka dibolehkan menyampaikan kesulitan kepada kerajaan melalui saluran yang tertentu termasuklah dallog, forum, memorandum, sudut pidato, tetapi tidak melalui demonstrasi."

Dr. Mahathir telah mengulang pendapatnya, bahawa penuntut mesti mengambil berat tentang politik dalam negeri, tetapi bukan bertindak tanpa sukatan dan kajian mendalam serta terkeluar daripada batas yang tertentu.

Katanya, "sebelum menjadi menteri dan selepas menjadi menteri, saya masih berpegang kepada konsep, bahawa penuntut di dalam sesebuah negara mesti mengambil berat ter-

hadap pergerakan politik dan tidak bermakna mengambil tindakan tanpa sukatan."

Dalam masa soaljawab, Dr. Mahathir menegaskan bahawa tindakan menarik balik biasiswa dari para penuntut yang menyalahgunakannya akan tetap di'alankan

Katanya, biasiswa adalah wang rakyat dan sebarang perbuatan menyalahgunakannya merupakan rasuah. Kerana itu untuk menyelamatkan wang rakyat itu, tindakan menarik balik biasiswa itu akan dilaksanakan.

BERMINAT

Biasiswa-biasiswa yang ditarik balik itu akan diberi kepada para penuntut yang benar-benar berminat untuk meneruskan pelajaran dan tidak menjalankan kegiatan yang merugikan seperti enggan mengikut kuliah, memulakan peperiksaan dan mengadakan demonstrasi.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan para penuntut yang terlibat dan menyedari kesilapan mereka dan berminat lagi menyambung pengajiannya akan ditimbang untuk mendapatkan semula biasiswanya.

Dr. Mahathir menolak dakwaan bahawa tindakan menarik balik biasiswa itu akan merugikan para penuntut Bumiputera.

Ini kerana penuntut yang juga layak mendapat biasiswa masih ramai, katanya

Seminar tersebut kemudiannya telah merumuskan beberapa ketetapan, antaranya ialah:

- Bersetuju supaya kerajaan bertindak tegas jika pelajar-pelajar hendak menunjukkan kuasa (student power), kerana ini ditakuti meresapnya anasir yang tidak sihat dari subersif, parti pembangkang dan anasir luar negeri.

* Kementerian Pelajaran haruslah menubuhkan satu badan penyelarasan pelajar-pelajar di peringkat negeri dan pusat.

Berpendapat bahawa kerajaan, ibubapa, guru-guru dan sesiapa juga yang bertanggungjawab haruslah meorientasikan pelajar-pelajar supaya bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan kuasa yang ada pada mereka, terutama dalam masaalah politik negara.